

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 9/2015

DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN TARAF PERMASTAUTIN TETAP (*PERMANENT RESIDENCE*) / PERMIT MASUK OLEH PENSYARAH DAN PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING DI UNIVERSITI AWAM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan, pihak Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengeluarkan garis panduan untuk perkara berikut :

- i. Garis Panduan Baru Untuk Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Permit Masuk Oleh Pensyarah Warga Asing di Universiti Awam (**Lampiran 1**);
- ii. Syarat-syarat tambahan yang telah diluluskan oleh Universiti Untuk Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Permit Masuk Oleh Pensyarah Warga Asing (**Lampiran 1a**);
- iii. Garis Panduan Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Permit Masuk Oleh Pegawai Perubatan Warga Asing di Universiti Awam (**Lampiran 2**); dan
- iv. Syarat tambahan yang telah diluluskan oleh Universiti Untuk Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Permit Masuk Oleh Pegawai Perubatan Warga Asing di Universiti Awam (**Lampiran 2a**).

2. Garis panduan tersebut dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi membantu Pengurusan Universiti menapis permohonan surat sokongan untuk mendapatkan permit masuk oleh **pensyarah dan pegawai perubatan warga asing** dan dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan. Selain daripada itu, ia bertujuan memastikan tapisan yang dibuat terhadap kemasukan pensyarah dan pegawai perubatan warga asing yang memohon sebagai penduduk tetap di Negara ini adalah yang berkecualan sahaja.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

3. Untuk makluman, setiap permohonan hendaklah menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPT dan memenuhi syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

4. Sukacita, dilampirkan Carta Alir Proses Kerja Permohonan PR untuk tapisan di peringkat Universiti (**Lampiran 3**) dan senarai semak serta borang permohonan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Borang permohonan ini juga boleh dicapai dan dimuat turun di laman web:<http://www.ukm.my/pendaftar>. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

5. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.18/2014 bertarikh 27 November 2014 mengenai perkara di atas adalah **dibatalkan dan tarikh kuat kuasa pelaksanaan garis panduan ini adalah mulai 3 Jun 2015**.

6. Sukacita pihak YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan dapat membuat hebahan kepada staf dibawah seliaan masing-masing. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan, boleh menghubungi Dr. Hjh. Ina Md. Yasin (03-89215011 / e-mel:eyna@ukm.edu.my) atau Puan Nur Abidah Binti Md. Sulbidin (03-89215011 / e-mel:diba@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

"OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI"

Yang benar,



ASMAHAN MUSA

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 e-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI
MENDAPATKAN PERMIT MASUK OLEH PENSYARAH WARGA
ASING DI UNIVERSITI AWAM**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Universiti Awam mengenai kriteria-kriteria yang perlu diambil kira bagi **permohonan sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan permit masuk oleh pensyarah warga asing** yang sedang berkhidmat di Universiti Awam.
- 1.2. Garis panduan ini akan membantu pengurusan Universiti menapis permohonan surat sokongan bagi mendapatkan permit masuk oleh pensyarah warga asing dan dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Bagi meningkatkan bilangan pakar asing di dalam bidang akademik, Jabatan Imigresen telah menawarkan kemudahan kepada golongan tersebut. Di bawah Akta Imigresen 1959/63, pemegang status permit masuk berhak untuk tinggal di negara ini tanpa had waktu.
- 2.2. Untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan yang ditetapkan, Jabatan Imigresen Malaysia berpendapat bahawa setiap permohonan daripada warga asing perlu ditapis bagi memastikan pemberian status permit masuk kepada mereka akan memberi sumbangan yang signifikan kepada negara.
- 2.3. Garis panduan sedia ada yang berkaitan telah dikeluarkan oleh Jabatan dalam rujukan nombor **JPT(G)1000/09/01/01 (19)** bertarikh **11 Januari 2011**.

3. PRINSIP PERMOHONAN PERMIT MASUK OLEH PENSYARAH WARGA ASING

3.1. Dalam usaha meningkatkan profil sesebuah Universiti, pemberian sokongan permit masuk hanya boleh dipertimbangkan demi kepentingan pengajian tinggi berdasarkan keperluan berikut:-

- (i) Memenuhi keperluan profesional/ kepakaran dalam sesebuah **projek khas yang diiktiraf oleh Kerajaan** dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada **masyarakat di Malaysia**;
- (ii) Memenuhi keperluan **bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan**; dan
- (iii) Memenuhi keperluan **Pembangunan Penyelidikan (R&D)** dalam bidang kritikal mengikut kepakaran pensyarah warga asing.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT MASUK

4.1. Setiap pemohon bagi tujuan permohonan permit masuk hendaklah memenuhi syarat-syarat asas berikut:-

- (i) Telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Awam yang sama **sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun**;
- (ii) Mempunyai prestasi kerja di tahap yang cemerlang iaitu Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) pegawai hendaklah dalam peratusan **85% ke atas, 3 tahun terkini berturut-turut**;
- (iii) Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan **melebihi 8 tahun ke atas**;
- (iv) Memenuhi keperluan bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan/ mempunyai kompetensi dalam bidang kritikal yang diperlukan;

- (v) Sokongan daripada Dekan Fakulti dan mendapat kelulusan/ persetujuan Naib Canselor/ Ketua Eksekutif/ Rektor di Universiti masing-masing;
- (vi) Permohonan dikemukakan melalui Pejabat Pendaftar Universiti masing-masing;
- (vii) Menghasilkan sekurang-kurangnya 3 artikel dalam bidang kritikal yang berkaitan sama ada jurnal, buku atau majalah untuk tempoh 3 tahun yang terkini; dan
- (viii) Melibatkan diri secara aktif dalam persidangan kebangsaan atau antarabangsa.

5. PELAKSANAAN

- 5.1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Pendaftar Universiti masing-masing. Pihak Universiti hendaklah membuat tapisan kepada setiap permohonan yang diterima.
- 5.2. Pihak Universiti perlu mengemukakan borang permohonan yang lengkap berserta ringkasan *Curriculum Vitae (CV)* permohonan dan dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Pendaftar Universiti.
- 5.3. Pihak Universiti perlu memastikan permohonan yang dihantar ke Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) memenuhi setiap kriteria yang ditetapkan.
- 5.4. Setiap permohonan yang telah diperakui hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:


**Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 PUTRAJAYA**

- 5.5. Jabatan ini hanya akan memproses permohonan yang **lengkap** diterima sebelum surat sokongan dikeluarkan. JPT berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 5.6. Keputusan yang telah dikeluarkan adalah **muktamad**. Pemohon boleh membuat rayuan hanya **2 tahun** selepas surat tidak menyokong dikeluarkan. Sebarang rayuan sebelum tempoh tersebut tidak akan dilayan.

6. HAL-HAL LAIN

- 6.1. Permohonan pembaharuan tarikh surat hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Jabatan ini berserta dengan justifikasi permohonan surat sokongan terdahulu.
- 6.2. Proses mengeluarkan surat tersebut adalah sama seperti tempoh ditetapkan dalam carta aliran memohon sokongan permohonan permit masuk (7 hari).

CARTA ALIRAN PERMOHONAN MENDAPATKAN SOKONGAN PERMIT MASUK BAGI PENSYARAH WARGA ASING DI UNIVERSITI AWAM UNTUK KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



Pejabat Pendaftar terima permohonan daripada Pemohon

Semakan / tapisan oleh Pejabat Pendaftar

Permohonan lengkap dimajukan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

Permohonan diteliti samada memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permohonan Mendapatkan Sokongan Permit Masuk. Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya 7 hari bekerja

Menyediakan surat sokongan untuk kelulusan dan ditandatangani oleh KPPT JPT. Permohonan yang tidak disokong akan dimaklumkan kepada pihak universiti melalui surat ditandatangani oleh P BG(A). Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari bekerja

Mengemukakan surat sokongan JPT kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan disalinkan kepada Pejabat Pendaftar dan Pemohon

Fail dan Rekod



**SYARAT TAMBAHAN
PERMOHONAN SOKONGAN MENDAPATKAN
TARAF PERMASTATUTIN TETAP (*PERMANENT RESIDENCE*)/PERMIT MASUK
OLEH PENSYARAH WARGA ASING
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

- 1.0. Prestasi kerja di tahap baik
 - 1.1. Penerbitan 2.5 ISI setahun dan bilangan penerbitan jurnal terindeks yang memuaskan
 - 1.2. Sistem Penilaian Prestasi Universiti :
 - i. Laporan Nilai Prestasi : 85% dan ke atas
 - ii. Sahsiah : 85% dan ke atas
 - 1.3. Bilangan kursus – 2 kursus satu semester
 - 1.4. Penyeliaan :
 - i. Pelajar Pra-Siswazah : 5 orang (tamat)
 - ii. Penyeliaan Pelajar Sarjana : 2 orang (tamat)
 - iii. Penyeliaan Pelajar Ph. D : 2 orang (sedang/tamat)
 - 1.5. Geran Penyelidikan :
 - i. DS51 : RM10,000.00
 - ii. DS54 : RM20,000.00
 - iii. VK : RM30,000.00
 - 1.6. Calon yang memohon hendaklah fasih berbahasa Melayu di mana calon perlu melalui sesi temubual dan mendapat perakuan di peringkat Universiti
 - 1.7. Terlibat dalam aktiviti Khidmat Masyarakat di Malaysia dengan melampirkan pembuktian

*Rujukan :
Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.11/2014 bertarikh 9 September 2014

LAMPIRAN A**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI
MENDAPATKAN PERMIT MASUK OLEH PEGAWAI PERUBATAN
WARGA ASING DI UNIVERSITI AWAM**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Universiti Awam mengenai kriteria-kriteria yang perlu diambil kira bagi **permohonan sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan permit masuk oleh pegawai perubatan warga asing** yang sedang berkhidmat di Universiti Awam.
- 1.2. Garis panduan ini akan membantu pengurusan Universiti menapis permohonan surat sokongan bagi mendapatkan permit masuk oleh pegawai perubatan warga asing dan dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Bagi meningkatkan bilangan pakar asing di dalam bidang akademik, Jabatan Imigresen telah menawarkan kemudahan kepada golongan tersebut. Di bawah Akta Imigresen 1959/63, pemegang status permit masuk berhak untuk tinggal di negara ini tanpa had waktu.
- 2.2. Untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan yang ditetapkan, Jabatan Imigresen Malaysia berpendapat bahawa setiap permohonan daripada warga asing perlu ditapis bagi memastikan pemberian status permit masuk kepada mereka akan memberi sumbangan yang signifikan kepada negara.
- 2.3. Pada masa ini tiada garis panduan khusus bagi permohonan permit masuk pegawai perubatan.

3. PRINSIP PERMOHONAN PERMIT MASUK OLEH PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING

- 3.1. Dalam usaha meningkatkan profil sesebuah Universiti, pemberian sokongan permit masuk hanya boleh dipertimbangkan demi kepentingan pengajian tinggi berdasarkan keperluan berikut:-
- (i) Memenuhi keperluan profesional/ kepakaran dalam sesebuah **projek khas yang diiktiraf oleh Kerajaan** dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada **masyarakat di Malaysia**;
 - (ii) Memenuhi keperluan **bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan**; dan
 - (iii) Memenuhi keperluan **Pembangunan Penyelidikan (R&D)** dalam bidang kritikal mengikut kepakaran pegawai perubatan warga asing.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT MASUK

- 4.1. Setiap pemohon bagi tujuan permohonan permit masuk hendaklah memenuhi syarat-syarat asas berikut:-
- (i) Telah berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Hospital Pengajar Universiti/ Pusat Perubatan yang sama **sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun**;
 - (ii) Mempunyai prestasi kerja di tahap yang cemerlang iaitu Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) pegawai hendaklah dalam peratusan **85% ke atas, 3 tahun terkini berturut-turut**;
 - (iii) Mempunyai pengalaman luas dalam bidang perubatan melebihi **8 tahun ke atas**;
 - (iv) Memenuhi keperluan bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan/ mempunyai kompetensi dalam bidang kritikal yang diperlukan;

- (v) Sokongan daripada Ketua Jabatan dan mendapat kelulusan/ persetujuan Naib Canselor/ Ketua Eksekutif/ Rektor di Universiti masing-masing;
- (vi) Permohonan dikemukakan melalui Pejabat Pendaftar Universiti masing-masing;
- (vii) Menghasilkan sekurang-kurangnya 3 artikel dalam bidang kritikal yang berkaitan sama ada jurnal, buku atau majalah untuk tempoh 3 tahun yang terkini; dan
- (viii) Melibatkan diri secara aktif dalam persidangan kebangsaan atau antarabangsa.

5. PELAKSANAAN

- 5.1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Pendaftar Universiti masing-masing. Pihak Universiti hendaklah membuat tapisan kepada setiap permohonan yang diterima.
- 5.2. Pihak Universiti perlu mengemukakan borang permohonan yang lengkap berserta ringkasan *Curriculum Vitae (CV)* pemohon dan dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Pendaftar Universiti.
- 5.3. Pihak Universiti perlu memastikan permohonan yang dihantar ke Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) memenuhi setiap kriteria yang ditetapkan.
- 5.4. Setiap permohonan yang telah diperakui hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:


**Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 PUTRAJAYA**

- 5.5. Jabatan ini hanya akan memproses permohonan yang **lengkap** diterima sebelum surat sokongan dikeluarkan. JPT berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 5.6. Keputusan yang telah dikeluarkan adalah **muktamad**. Pemohon boleh membuat rayuan hanya **2 tahun** selepas surat tidak menyokong dikeluarkan. Sebarang rayuan sebelum tempoh tersebut tidak akan dilayan.

6. HAL-HAL LAIN

- 6.1. Permohonan pembaharuan tarikh surat hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Jabatan ini berserta dengan justifikasi permohonan surat sokongan terdahulu.
- 6.2. Proses mengeluarkan surat tersebut adalah sama seperti tempoh ditetapkan dalam carta aliran memohon sokongan permohonan permit masuk (7 hari).

CARTA ALIRAN PERMOHONAN MENDAPATKAN SOKONGAN PERMIT MASUK BAGI PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING DI UNIVERSITI AWAM UNTUK KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



Pejabat Pendaftar terima permohonan daripada Pemohon

Semakan / tapisan oleh Pejabat Pendaftar

Permohonan lengkap dimajukan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

Permohonan diteliti samada memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permohonan Mendapatkan Sokongan Permit Masuk. Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya 7 hari bekerja

Menyediakan surat sokongan untuk kelulusan dan ditandatangani oleh KPPT JPT. Permohonan yang tidak disokong akan dimaklumkan kepada pihak universiti melalui surat ditandatangani oleh P BG(A). Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari bekerja

Mengemukakan surat sokongan JPT kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan disalinkan kepada Pejabat Pendaftar dan Pemohon

Fail dan Rekod

**SYARAT TAMBAHAN
PERMOHONAN SOKONGAN MENDAPATKAN
TARAF PERMASTATUTIN TETAP (*PERMANENT RESIDENCE*)/PERMIT MASUK
OLEH PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.0. Prestasi kerja di tahap baik

1.1. Sistem Penilaian Prestasi Universiti :

- | | | | |
|-----|------------------------|---|-----------------|
| i. | Laporan Nilai Prestasi | : | 85% dan ke atas |
| ii. | Sahsiah | : | 85% dan ke atas |


1.2. Calon yang memohon hendaklah fasih berbahasa Melayu di mana calon perlu melalui sesi temubual dan mendapat perakuan di peringkat Universiti

1.3. Terlibat dalam aktiviti Khidmat Masyarakat di Malaysia dengan melampirkan pembuktian

*Rujukan :

Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.11/2014 bertarikh 9 September 2014

CARTA ALIR
PERMOHONAN Mendapatkan Sokongan
BAGI Mendapatkan Taraf Permastautin Tetap (PR) / PERMIT MASUK BAGI
PENSYARAH DAN PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING
UNTUK TAPISAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



**SENARAI SEMAK
PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN
TARAF PERMASTAUTIN TETAP (PR) / PERMIT MASUK BAGI
PENSYARAH DAN PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING
UNTUK TAPISAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERHATIAN:

- Sila lengkapkan dokumen secara tersusun dan kepilkan senarai semak ini bersama dokumen sokongan yang diperlukan semasa menghantar permohonan ke Bahagian Sumber Manusia.
- Senarai bertanda (*) adalah WAJIB dilampirkan.
- Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

Nama calon * :

UKM (PER) * :

Jawatan * :

No. Telefon Bimbit dan No. Tel Pejabat * :

| BIL. | DOKUMEN YANG DIPERLUKAN | TANDAKAN ADA (✓) DAN TIADA (X) (diisi oleh pihak F/P/I) | SEMAKAN (diisi oleh BSM) |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
| 1. | Latar Diri Ringkas Pemohon (Lampiran A) * | | |
| 2. | Borang Permohonan Mendapatkan Sokongan bagi Mendapatkan Taraf Permastautin Tetap (PR)/Permit Masuk Oleh Pensyarah & Pegawai Perubatan Warga Asing di Universiti Awam (Format KPT) * | | |
| 3. | Resume / CV terkini pemohon yang telah disahkan oleh Dekan/Ketua Jabatan * | | |
| 4. | Lampiran Pembuktian Sumbangan (jika ada) | | |
| 5. | Lampiran Pembuktian Projek Khas (jika ada) | | |

| | | | |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|--|
| 6. | Justifikasi secara bertulis keperluan bidang kritikal oleh Dekan/Ketua Jabatan (bidang kritikal bermaksud bidang yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan) * | | |
| 7. | Salinan Laporan Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPU) 3 tahun terkini berturut-turut * | | |
| 8. | Lampiran Pembuktian Calon Mempunyai Pengalaman Luas dalam Bidang Pendidikan/ Perubatan Melebihi 8 Tahun ke atas * | | |
| 9. | Pembuktian sekurang-kurangnya 3 artikel dalam bidang kiritikal yang berkaitan sama ada jurnal, buku atau majalah untuk tempoh 3 tahun yang terkini * | | |
| 10. | Pembuktian penglibatan dalam persidangan kebangsaan atau antarabangsa * | | |
| 11. | Pembuktian Penglibatan Aktiviti Khidmat Masyarakat di Malaysia * | | |
| 12. | Laporan ISI & SCOPUS pemohon (<u>format yang dikeluarkan oleh perpustakaan UKM sahaja</u>) (wajib dilampirkan bagi pensyarah sahaja) * Memenuhi bilangan penerbitan 2.5 ISI setahun dan penerbitan jurnal terindeks yang memuaskan | | |
| 13. | Lampiran Pembuktian Bilangan Kursus (2 kursus satu semester). (wajib dilampirkan bagi pensyarah sahaja) * | | |

| | | | |
|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|--|
| 14. | Lampiran Pembuktian Penyeliaan Pelajar (wajib dilampirkan bagi pensyarah sahaja) * i. Pelajar Pra-Siswazah :5 orang (tamat) ii. Penyeliaan Pelajar Sarjana :2 orang (tamat) iii. Penyeliaan Pelajar Ph. D :2 orang (sedang/tamat) | | |
| 15. | Pembuktian Geran Penyelidikan (wajib dilampirkan bagi pensyarah sahaja) * i. DS51 : RM10,000.00 ii. DS54 : RM20,000.00 iii. VK : RM30,000.00 | | |
| DIISI OLEH PIHAK FAKULTI / INSTITUT / PUSAT | | | |
| Disediakan oleh | | | |
| Emel | | No. Tel | |
| UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR | | | |
| Disemak oleh | | | |
| Tarikh terima | | | |
| Catatan | | | |



**BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN MENDAPATKAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN
TARAF PERMASTAUTIN TETAP (PR)/ PERMIT MASUK OLEH PENSYARAH &
PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING DI UNIVERSITI AWAM**

SEKSYEN A : MAKLUMAT PEMOHON

- Untuk diisi oleh Pemohon
- Isi dalam **HURUF BESAR SAHAJA**

Nama Penuh Pemohon : _____

Pusat Pengajian/Fakulti : _____

Bidang Pengajian : _____

Jawatan & Gred : _____

Tarikh Lahir : / /
Tarikh Bulan Tahun

Jantina : Lelaki Wanita

Warganegara : _____

No. Pasport : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

No. Telefon Pejabat : _____ No. Telefon Bimbit : _____

Alamat Emel : _____

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, permohonan saya boleh ditolak pada bila-bila masa oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Sila lampirkan CV terkini yang telah disahkan oleh Dekan Fakulti

Tandatangan Pemohon : _____

Tarikh : _____




**BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SEKSYEN B : PERAKUAN DEKAN FAKULTI

- Untuk diisi oleh Dekan Fakulti/ Ketua Jabatan (bagi Pegawai Perubatan)
- Isi dalam **HURUF BESAR SAHAJA**

1. PENGUASAAN BAHASA MELAYU



*Sila tandakan (/) di salah satu ruangan

2. TEMPOH PELANTIKAN DI UNIVERSITI

| NO. | PELANTIKAN | TARIKH LANTIK | TARIKH TAMAT | TEMPOH |
|-----|------------|---------------|--------------|--------|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

3. SUMBANGAN

| NO. | KENYATAAN | PERINGKAT TERTINGGI | |
|-----|-----------|---------------------|--------------|
| | | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

• Sila guna Lampiran C sekiranya tidak mencukupi

*Sila tandakan (/) di salah satu ruangan

4. PROJEK KHAS

| NO. | KENYATAAN | PERINGKAT TERTINGGI | |
|-----|-----------|---------------------|--------------|
| | | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

*Sila tandakan (/) di salah satu ruangan

5. JUSTIFIKASI BIDANG KRITIKAL

| BIDANG KEPAKARAN | BILANGAN PENSYARAH SEDIA ADA | |
|------------------|------------------------------|-------|
| | TEMPATAN | ASING |
| | | |

- Bidang kritikal bermaksud bidang yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan

6. PRESTASI

❖ Markah prestasi 3 tahun berturut-turut yang terkini di Universiti Awam yang sama :

20 : %

20 : %

20 : %

- Sila lampirkan salinan LNPT pegawai bersama-sama dengan CV (*Curriculum Vitae*)

7. ULASAN

Permohonan ini adalah : DISOKONG TIDAK DISOKONG

Ulasan : _____

Nama & Tandatangan Dekan Fakulti/
 Ketua Jabatan : _____

Tarikh :



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SEKSYEN C : PERAKUAN NAIB CANSELOR

- Untuk diisi oleh Naib Canselor/ Ketua Eksekutif/ Rektor

1. ULASAN

Permohonan ini adalah : DILULUSKAN TIDAK DILULUSKAN

Ulasan : _____

Nama & Tandatangan Naib Canselor/
Ketua Eksekutif/ Rektor : _____

Tarikh :



BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKSYEN D : SEMAKAN PENDAFTAR

• Untuk diisi oleh Pendaftar

- Telah berkhidmat di Universiti Awam yang sama sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun
- Prestasi kerja pegawai adalah di tahap yang ditetapkan oleh JPT
- Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan/ perubatan (bagi pegawai perubatan sahaja) melebihi 8 tahun ke atas
- Sokongan daripada Dekan Fakulti/ Ketua Jabatan
- Kelulusan daripada Naib Canselor/ Ketua Eksekutif/ Rektor
- Telah menghasilkan sekurang-kurangnya 3 artikel dalam bidang kritikal yang berkaitan sama ada jurnal, buku atau majalah untuk tempoh 3 tahun yang terkini
- Banyak melibatkan diri dalam persidangan kebangsaan atau antarabangsa
- Memenuhi keperluan bidang kritikal yang diperlukan
- Salinan *Curriculum Vitae* (CV) pemohon yang lengkap

Nama & Tandatangan Pendaftar : _____

Tarikh :


**BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
1. SUMBANGAN

| NO. | KENYATAAN | PERINGKAT TERTINGGI | |
|-----|-----------|---------------------|--------------|
| | | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

2. PROJEK KHAS

| NO. | KENYATAAN | PERINGKAT TERTINGGI | |
|-----|-----------|---------------------|--------------|
| | | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

**CARTA ALIR
PERMOHONAN MENDAPATKAN SOKONGAN
BAGI MENDAPATKAN TARAF PERMASTAUTIN TETAP (PR) / PERMIT MASUK BAGI
PENSYARAH DAN PEGAWAI PERUBATAN WARGA ASING
UNTUK TAPISAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

